

## **KAJIAN REKA BENTUK, CORAK DAN SIMBOLISME MOTIF SINIPAK DALAM BUSANA WANITA ETNIK DUSUN TINDAL DI KOTA BELUD SABAH**

### ***A STUDY OF THE DESIGN, PATTERN AND SYMBOLISM OF THE SINIPAK MOTIF IN THE DRESS OF DUSUN TINDAL WOMEN ETHNIC IN KOTA BELUD SABAH***

**JEDILY JACK & NOR AZLIN HAMIDON**

Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, Universiti Teknologi MARA,  
Shah Alam Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Corresponding author: norazlin@uitm.edu.my

Received: 21<sup>st</sup> July 2025 Accepted: 24<sup>th</sup> September 2025

#### **Abstrak**

Setiap cara hidup yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat menggambarkan satu identiti budaya yang unik dan menarik. Salah satunya ialah, warisan budaya yang diturunkan sejak zaman berzaman adalah busana tradisional. Reka bentuk, corak dan simbolisme motif *sinipak* dalam etnik Dusun Tindal di Kota Belud Sabah memaparkan pengaruh alam semula jadi ke atas nilai pemikiran yang kreatif. Keindahan alam semula jadi ini, merupakan instrumen kepada *subject matter* atau bahan untuk mendapatkan idea lalu diterjemahkan melalui lakaran ke atas permukaan kertas, sebelum dihasilkan terhadap fabrik. Motif menjadi unsur visual yang utama dalam karya seni dan merupakan imej yang dihasilkan bagi mengindahkan sesuatu hasil kraftangan termasuk tekstil. Keindahan gubahan dan pengolahan motif sesuatu produk, menjadikan ia sebagai hasil seni yang memaparkan tindak balas penghayatan yang estetika. Penyelidikan ini bertujuan menganalisis dan memahami busana tradisional *sinipak* dalam konteks reka bentuk, corak dan simbolisme motif, dengan menggunakan pendekatan kaedah kualitatif sebagai medium utama dalam penghasilan kajian ini. Melalui kajian ini, diharapkan dapat memberi impak yang berkesan dan progresif untuk melastarikan semula budaya etnik Dusun Tindal agar terus terpelihara dan tidak lapuk ditelan zaman.

**Kata kunci:** Warisan budaya pribumi, reka bentuk busana, corak dan simbolisme motif dalam busana *sinipak*

#### **Abstract**

*Every way of life practiced by a multiracial society in Malaysia reflects a unique and intriguing cultural identity. One of the indigenous legacies passed down through the ages is traditional costume. The design, pattern, and symbolism of sinipak motifs in the Dusun Tindal ethnic group in Kota Belud, Sabah showing the influence of nature on the value of creative thinking. The beauty of nature is an instrument for the subject matter to obtain ideas and then translated through sketches on the surface of paper, before being produced on fabric. Motifs are the main visual elements in artwork, and they are images produced to beautify a handicraft product, including textiles. The beauty of the composition and processing of a products motifs makes it an artistic work that displays an aesthetic response. This research aims to analyze and understand traditional sinipak costumes in the context of design, pattern, and motif symbolism by using a qualitative method approach as the main medium in producing this research. Through this research, it is hoped that it can have an effective and progressive impact in reviving the culture of ethnic Dusun Tindal so that it continues to be preserved and not outdated by time.*

**Keywords:** *Indigenous cultural heritage, costume design, pattern and motif symbolism in the sinipak costume*

## PENGENALAN

Sabah, sebuah wilayah di Malaysia Timur yang terletak di kepulauan Borneo Utara, mempunyai kira-kira 55 buah kumpulan etnolinguistik utama. Kebanyakan etnik ini ialah penutur rumpun Austronesia dan 32 kelompok daripadanya merupakan peribumi Sabah (Julie & John 1984). Etnik Dusunik kebanyakannya ditemui di kawasan pedalaman dan pesisir pantai utara serta bahagian pantai barat Sabah. Secara tradisi, kebanyakan etnik peribumi Sabah melakukan aktiviti pertanian seperti menanam padi sawah dan melakukan kegiatan seperti berburu, menangkap ikan dan memungut hasil hutan. Sesetengah kajian arkeologi dan linguistik berpendapat bahawa leluhur Austronesia etnik peribumi di Sabah pada hari ini, telah tinggal di kawasan Borneo utara lebih daripada 6,000 tahun atau melebihi 10,000 tahun. Menurut teori, leluhur ini telah berhijrah dari kepulauan Taiwan dan Filipina sejak 4,000 tahun. Petempatan mereka tersebar ke seluruh rantau kepulauan bermula dari utara Borneo (Bellwood 1984).

Walau bagaimanapun, satu kajian genetik terkini mengenai DNA mitokondria menunjukkan bahawa etnik Austronesia telah tinggal di kawasan pulau Borneo ini lebih daripada 20,000 tahun dan corak perhijrahan antara pulau mereka adalah sangat sukar dikenal pasti. Berdasarkan teori ini, tempat asal usul etnik Austronesia bukan Taiwan tetapi Kepulauan Asia Tenggara (Richards & Macaulay 2000). Oleh itu, penghijrahan prasejarah sejak lebih daripada 10,000 tahun yang lalu tidak diketahui oleh masyarakat tempatan pada zaman ini. Masyarakat Kadazandusun dipercayai adalah golongan penghijrah (Dusunik) yang tiba di Sabah sekitar 1200 SM sehingga 1700 M. Terdapat pelbagai pendapat mengenai teori kedatangan masyarakat Kadazandusun melalui cerita-cerita legenda dan mitos yang berkaitan dengan kewujudan mereka di negeri Sabah. Antaranya, Orang Kadazandusun berasal daripada rumpun Mongol kerana berkulit langsung seperti orang Cina dan berperwatakan sederhana. Dari aspek antropologi orang-orang Kadazandusun mempunyai persamaan dengan orang Toraja di pedalaman Sulawesi (Arena Wati 1978). Sementara teori lain seperti *The Mongoloid Stock Theory* mengenai asal usul Kadazandusun. Menjelaskan orang Mongolia telah datang dari arah selatan menuju Laut Sunda dan memiliki darah campuran orang Cina (Evans 1922).

Dalam buku *The Dusun, A North Borneo Society* mengemukakan pendapat bahawa manusia pertama menduduki Borneo Utara (Sabah) adalah Proto-Malays kerana memiliki persamaan bentuk fizikal dengan pendatang Indo-Malayan di Borneo (Thomas Rhys Williams 1965). Berdasarkan teori-teori yang dikemukakan oleh para pengkaji tentang mengenai asal usul masyarakat Kadazan dusun di Sabah, didapati tidak ada penerimaan khusus tentang asal usul tersebut. Kebanyakan etnik Dusun menyusurgalurkan asal usul mereka hingga ke *nunuk ragang* iaitu jika diertikan dalam bahasa Melayu membawa maksud pokok ara merah, sebuah kampung berhampiran Tampios di Sungai *linagu* di kawasan pedalaman terpencil yang kini terletak di daerah Ranau, Sabah. Selepas beberapa zaman, gelombang penghijrahan keluar dari *nunuk ragang* berlaku. Tekanan populasi menyebabkan beberapa kumpulan keluar demi mencari tanah yang lebih subur untuk aktiviti pertanian.

Penghijrahan ini berlaku secara berperingkat dan mengambil masa yang berbeza dalam tempoh beratus atau beribu tahun. Salah satu etnik Dusunik yang telah berhijrah dan kini mendiami daerah Kota Belud adalah etnik Dusun Tindal. Etnik Dusun Tindal ini merupakan salah satu subetnik yang tergolong dalam Kadazandusun di Sabah. Masyarakat Kadazandusun adalah satu rumpun yang besar dan sesuai bagi panggilan kaum yang terpadu dalam rumpun Dusunik, Paitanik dan Murutik (Lasimbang 1996; Shim 2007). Etnik ini juga kaya dengan hasil kesenian tersendiri seperti pakaian tradisional, amalan adat tradisi dan hasil-hasil seni dalam kraftangan (Ismail 2007 & Jane Wong 2002). Dari aspek budaya dan cara hidup, etnik Dusun Tindal mempunyai persamaan yang banyak dengan etnik Kadazandusun yang lain berdasarkan amalan, kepercayaan, bahasa, upacara dan adat-istiadat (Benedict 1996). Owen Rutter (1922), dalam bukunya bertajuk "*British North Borneo: an Account of its History, Resources, and Native Tribes*", mengklasifikasikan kumpulan etnik Dusun Tindal sebagai kumpulan etnik dusun dataran rendah dan dataran tinggi. Etnik ini turut dikenali sebagai Dusun

Kadamaian, bersempena dengan nama sungai Tempasuk, yang kini dikenali sebagai sungai Kadamaian pada hari.

Dusun di kawasan Kota Belud dibahagikan kepada dua kumpulan utama iaitu Dusun dataran tinggi dan Dusun dataran rendah. Dalam buku bertajuk "*Among Primitive Peoples in Borneo*", menjelaskan bahawa kumpulan etnik Dusun di daerah Kota Belud dikenali sebagai Tindal atau *kotindalan* yang bermaksud masyarakat yang tinggal di atas bukit atau darat Evans (1953). Ivor. H.N. Evans dalam bukunya "*The Religion of the Tempasuk Dusuns of North Borneo*," terbitan tahun 1953 menjelaskan busana tradisional Dusun Tindal ini, dikenali sebagai *Betawi* iaitu butang emas yang digunakan pada pakaian sekitar tahun 60 an. Sementara versi lain, asal usul busana tradisional ini berasal daripada perkataan *sipak*, iaitu merujuk kepada reka bentuk belahan kain pada tangan yang terdapat pada bahagian lengan baju atau dalam bahasa Dusun Tindal dikenali sebagai *rumbai id longon* atau kain renda berwarna-warni di tangan.

*Sinipak* memiliki ciri-ciri bahagian lengan baju yang panjang dan mengandungi warna seperti warna hijau, merah dan kuning pada kedua-dua bahagian belahan kain lengan baju. Warna pada busana *sinipak* menggunakan warna pelangi yang menggabungkan unsur warna sekunder dan primer (Sikah Kuloh 2023). Pada zaman dahulu, *sinipak* merupakan busana bagi masyarakat Dusun Tindal yang melambangkan status sosial yang tinggi dalam hierarki masyarakat Dusun Tindal. Sulaman tangan seperti motif *langkit* dan *tompirus*, merupakan motif pada busana tradisional yang menjadi elemen penting sebagai pelengkap kepada *sinipak*. Reka bentuk, corak dan simbolisme motif yang dipamerkan dalam *sinipak* mewakili bahan dan elemen semula jadi yang disepadukan dengan kreativiti manusia dan secara tradisinya dianggap sebagai simbol kekayaan dan status sosial dalam masyarakat Dusun Tindal itu sendiri sebagai satu bentuk identiti (Irene 1992).



Rajah 1: Peta negeri Sabah dan daerah Kota Belud  
Sumber: Google Maps

## LIMITASI KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa limitasi yang wajar diberi perhatian, antaranya seperti keunikan reka bentuk, corak dan motif pada busana ini kurang di dokumentasikan dalam bentuk buku atau rancangan dokumentari. Terdapat banyak motif dan corak dalam busana *sinipak* yang belum dikenal pasti. Selain itu, segelintir generasi baru daripada etnik Dusun Tindal sendiri tidak tahu mengenai busana tradisional ini. Sehingga kini, rekod maklumat mengenai busana tradisional ini masih terhad dan masih bergantung dengan penceritaan lisan daripada masyarakat setempat. Hal ini kerana, kebanyakan etnik peribumi Sabah tidak mempunyai rekod bertulis tentang masa lampau mereka, mereka hanya mempunyai cerita lisan yang diceritakan secara turun-temurun melalui cerita rakyat, pantun atau puisi. Kesukaran dalam mendapatkan busana ini dipengaruhi oleh teknik jahitan pakaian yang melibatkan ketepatan yang tinggi pada reka bentuk, corak dan motif. Oleh itu, busana *sinipak*

mengambil masa dua atau tiga bulan untuk disiapkan kerana ianya melibatkan sulaman tangan. Busana tradisional ini juga terlalu mahal untuk diperolehi kerana harganya bergantung pada bahan yang digunakan untuk membuat busana ini. Sehingga perlu menempah terlebih dahulu daripada tukang jahit untuk ukuran saiz badan.

MEDIA SABAH, 27 Jun 2022. Keunikan dan keindahan busana tradisional yang dipamerkan menerusi acara pertandingan Unduk Ngadau atau pertandingan ratu cantik sempena perayaan Kaamatan setiap tahun amat terserlah, dan ia berusaha untuk melestarikan budaya seperti suku kaum Dusun agar pakaian tradisi mereka tidak luput ditelan zaman. Pegawai Perhubungan Khidmat Rakyat Parlimen Ranau, Julubin Harun berkata, pertandingan memperagakan keindahan pakaian tradisional suku kaum Dusun membabitkan remaja perempuan atau kanak-kanak adalah usaha positif untuk memelihara dan mengekalkan keindahan asal serta penggunaan busana berkenaan. Oleh itu, pakaian tradisional Sabah harus diangkat sehingga peringkat antarabangsa kerana banyak kelebihan yang diperoleh jika diterokai dengan lebih mendalam betapa halusnyanya seni rekaan dalam setiap pakaian tradisional Sabah. Kaedah pengumpulan data melalui kaedah temu bual melibatkan bilangan responden yang terhad, khususnya dalam kalangan penjahit busana, warga emas, pakar budaya dan masyarakat Dusun Tindal menjadikan punca keterbatasan sumber rujukan mendalam tentang busana *sinipak*, sekali gus menghadkan kepelbagaian perspektif yang boleh diperolehi. Analisis visual dalam kajian ini bergantung kepada koleksi muzium, pusat warisan, arkib dan koleksi persendirian. Keadaan busana *sinipak* yang dijadikan sampel, berkemungkinan telah melalui proses konservasi atau pengubahsuaian, lalu berpotensi menjejaskan ketepatan analisis terhadap reka bentuk asal dan keaslian motif.

Seterusnya, keterbatasan dari segi masa dan sumber kewangan menyebabkan pemerhatian lapangan hanya dapat dilakukan dalam tempoh tertentu, yang menghadkan peluang penyelidik untuk mengikuti lebih banyak acara kebudayaan di mana busana *sinipak* dipakai secara tradisional. Selain itu, analisis simbolisme budaya dalam kajian ini berasaskan kepada interpretasi teori semiotik Charles Sanders Peirce serta maklumat naratif daripada responden, yang berkemungkinan dipengaruhi oleh subjektiviti penyelidik mahupun responden itu sendiri. Walau bagaimanapun, usaha triangulasi data telah dilaksanakan bagi meminimumkan kelemahan ini dan memastikan kebolehpercayaan dapatan kajian. Sehubungan dengan itu, beberapa cadangan dikemukakan untuk penyelidikan akan datang. Kajian lanjutan boleh diperluaskan dengan membandingkan busana *sinipak* dengan busana tradisional etnik lain di Sabah bagi melihat persamaan dan perbezaan dari aspek reka bentuk, corak serta simbolisme. Kajian juga boleh melibatkan bilangan responden yang lebih ramai dan pelbagai lapisan generasi untuk mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai perubahan fungsi dan makna busana *sinipak* dari masa ke masa. Di samping itu, penyelidikan etnografi jangka panjang wajar dijalankan bagi mendalami peranan *sinipak* dalam konteks kehidupan harian dan upacara kebudayaan kontemporari masyarakat Dusun Tindal. Penyelidikan masa depan juga digalakkan untuk menilai potensi busana *sinipak* dalam industri kreatif, fesyen kontemporari dan pelancongan budaya, agar warisan tekstil ini bukan sahaja didokumentasikan, tetapi turut dilestarikan serta diaplikasikan dalam konteks moden.

## KAJIAN LITERATUR

Kajian ini cuba untuk menganalisis dan membandingkan kajian-kajian lepas yang telah dilakukan berkaitan dengan busana tradisional, reka bentuk, corak dan simbolisme motif dalam konteks budaya masyarakat pribumi Sabah, khususnya etnik Tindal di daerah Kota Belud. Busana tradisional bukan sekadar berperanan sebagai penutup tubuh, malah menjadi simbol jati diri dan simbolik kepada kepercayaan, struktur sosial, dan nilai estetika masyarakat tersebut. Kajian terdahulu banyak memberi tumpuan kepada aspek umum mengenai busana etnik Tindal, namun kajian khusus yang mendalami makna motif dalam busana *sinipak* masih terhad. Melalui kajian ini, tumpuan diberikan kepada elemen-elemen visual seperti corak, reka bentuk, maksud simbol, dan motif yang terkandung dalam busana *sinipak*, serta hubungan dengan unsur alam, kepercayaan spiritual dan persepsi dalam kehidupan masyarakat Dusun Tindal. Pendekatan ini penting untuk menelusuri bagaimana nilai-nilai budaya disampaikan secara tidak lisan melalui seni tekstil. Oleh itu, tinjauan literatur ini bukan sahaja bertujuan memahami kerangka teori yang relevan, tetapi juga untuk mengenal pasti jurang

penyelidikan yang wujud dalam kajian berkaitan reka bentuk dan simbolisme budaya dalam konteks masyarakat Dusun Tindal.

### Hubungan Etnik Dusun Tindal dengan Etnik Lain di Sabah

Di Sabah, terdapat lebih daripada 30 kumpulan etnik yang bercakap sekurang-kurangnya 50 bahasa suku kaum (Rita Lasimbang 2019). Juslin, Ismail Ibrahim dan Toeu (2019) dalam kajian mereka bertajuk *Warisan Busana Murut: Motif dan Corak* telah membincangkan pelbagai bidang pengajian berkaitan sejarah, seni, pakaian dan budaya, meliputi 10 sub-etnik suku kaum Murut di Sabah, termasuk tinjauan kepelbagaian istilah, gubahan dan reka bentuk kontemporari mengikut perkembangan semasa. Kelompok masyarakat Murut tidak sekata kerana terpengaruh dengan bahasa dan adat resam yang mengklasifikasikan mereka kepada beberapa kelompok kecil. Terdapat sekurang-kurangnya dua kumpulan besar dalam masyarakat Murut. Iaitu masyarakat Murut dataran tanah rendah dan masyarakat Murut tanah yang tinggal di dataran tinggi. Hasil daripada kajian ini, terdapat persamaan antara kajian yang dijalankan oleh Juslin, Ismail Ibrahim dan Toeu (2019) dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji berkenaan etnik Dusun Tindal di daerah Kota Belud. Menurut catatan Owen Rutter (1922) dalam bukunya yang bertajuk *British North Borneo: An Account of its History, Resources, and Native Tribes*, etnik Dusun Tindal terbahagi kepada dua kumpulan utama iaitu dusun tanah rendah dan dusun tanah tinggi. Kampung-kampung seperti Tambatuon, Kahung Saraiyoh (Kaung Ulu) dan Kiau merupakan penempatan etnik Tindal di Kota Belud di kawasan tanah tinggi. Sementara kampung seperti Tempasuk asalnya dikenali sebagai Kadamaian, Tambulion, Piasau, Tamu Darat, Taginambur, Kelawat dan Nahaba, serta beberapa kampung lain, merupakan penempatan etnik Dusun Tindal di bahagian dataran rendah.

Evans (1922) dalam bukunya bertajuk *Among Primitive Peoples in Borneo*, menjelaskan bahawa beliau mendapati etnik Dusun di kawasan Tempasuk atau Kota Belud pada hari ini menggelar diri mereka sebagai Dusun Tindal. Nama yang digunakan oleh orang Dusun untuk diri mereka, baik dataran rendah mahupun di dataran tinggi Tempasuk (nama lama daerah Kota Belud) ialah *Kotindalan*, yang bermaksud daratan. Evans (1953) Tindal, dalam bahasa Dusun pula bermaksud masyarakat yang tinggal di atas bukit atau di darat. Oleh itu, etnik Dusun Tindal merujuk kepada komuniti yang tinggal di kawasan darat atau berbukit. Jelaslah, seperti dikatakan oleh Gregory Kiyai dan Noria Tugang (2020) dalam Davidson (1991) bahawa, bentuk manifestasi warisan budaya merujuk kepada produk yang terhasil daripada pelbagai cabang melalui amalan dan cara hidup dalam masyarakat berbudaya. Sebagai contoh, hasil warisan budaya sama ada ketara atau tidak ketara yang berkait iaitu merujuk kepada kraf budaya fizikal, adat tradisional termasuk nilai-nilai kerohanian sejak dahulu menjadi asas untuk melambangkan identiti dalam sesuatu kumpulan etnik atau bangsa.

Suraya Sintang (2003) dalam jurnalnya yang bertajuk *Muslims and Christians among the Kadazandusun people of Sabah*. Menjelaskan keunikan negeri Sabah bukan sahaja dicirikan oleh kepelbagaian etnik, dialek, budaya dan adat resam tetapi juga dipertingkatkan dengan kepelbagaian agama orang aslinya. Hasil kajian yang dilakukan oleh Suraya Sintang membuatkan pengkaji bersetuju dengan apa yang diperkatakan kerana kebanyakan etnik Kadazandusun mempunyai ahli keluarga yang berbeza agama dan juga etnik yang berbeza hasil daripada proses penggabungan tersebut, sebagaimana penerimaan yang begitu baik daripada masyarakat sekeliling yang menghormati orang Cina, dia dan bersikap terbuka iaitu perkahwinan campur. Contohnya Cina dan Brunei, Islam dan Cina dan sebagainya. Sungguhpun begitu, mereka masih hidup dalam suasana harmoni dan bahagia tanpa sebarang konflik antara mereka berhubung isu perkauman atau agama. Serta sambutan yang begitu baik daripada orang sekeliling yang saling menghormati dan bersikap terbuka. Sebagai contoh, apabila mereka menyambut perayaan seperti Tahun Baru Cina, tiada masalah untuk ahli keluarga Islam menyambutnya sekali kerana mereka akan menyediakan juadah istimewa atau juadah tersebut dikhaskan untuk dimakan oleh orang Islam tanpa segan silu. Mempunyai agama yang berbeza bukanlah satu masalah besar bagi kita jika kita bersikap terbuka dan ingin memahami agama lain. Bagi menjaga keharmonian negara, kita tidak seharusnya bersikap prejudis terhadap agama lain dan menerima antara satu sama lain. Disebabkan kepelbagaian agama dan etnik di negara kita, inilah yang menjadikan negara kita unik di mata orang luar.

## Busana Tradisional dan Peranan dalam Budaya

Koentjaraningrat (2009) menyatakan busana tradisional mencerminkan hubungan budaya masyarakat dan berperanan sebagai komunikasi sosial. Reka bentuk, motif dan warna pada busana tradisional sering kali mengandungi makna simbolik yang berkaitan dengan kepercayaan, status sosial atau peranan seseorang dalam masyarakat. Contohnya, dalam masyarakat Melayu, warna kuning biasanya dikaitkan dengan golongan diraja dan mempunyai unsur kebesaran serta kehormatan (Alias dan Mastura 2019). Sementara itu, menurut Mohd Rosli Saludin (2004), busana ialah pakaian yang terdiri daripada pakaian dan fabrik, di samping barang kemas, peralatan solekan dan tengkolok. Busana juga bermaksud pemakaian secara tertib, beretika, sopan dan mulia, sesuai dengan adat dan suasana budaya. Jika dilihat kepada kajian ini, pengkaji mendapati terdapat pandangan yang berbeza tentang definisi pakaian etnik Kadazandusun di Sabah. Ini kerana bahan yang diproses untuk menjadi kostum pada asalnya terdiri daripada bahan semula jadi, seperti rumput, rumpai atau kulit haiwan. Perkembangan teknologi kemudiannya mencipta benang dan proses tenunan. Kemudian jadikan pakaian sebagai aspek budaya material yang penting untuk meneruskan kehidupan.

Menurut David Matsumoto (2019), budaya memainkan peranan utama dalam membentuk identiti diri. Oleh itu, pengkaji bersetuju dengan pendapat daripada kajian lepas kerana pakaian tradisional Dusun Tindal itu sendiri mudah dibezakan dengan kumpulan pakaian etnik lain kerana reka bentuknya begitu meriah dan hampir keseluruhan pakaian dihiasi dengan labuci merah, kuning dan sulaman emas. Motif ubi kayu yang dikenali sebagai *langkit* atau *linangkit* biasanya disulam pada bahagian lengan kiri dan kanan baju menjadikan kain baldi hitam itu berwarna-warni pada sulaman sisi. Unsur seni dan keindahan yang terdapat dalam sesuatu busana tradisional dapat menyerlahkan lagi warisan budaya dengan menggambarkan identiti kaum dan etnik tersebut di Sabah. Adilah Jusoh dan Fazilah Hussin (2016) telah meneliti fesyen atau pengayaan busana melalui teks sastera. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis gambar busana yang diceritakan dalam Naskhah Melayu Syair Agung, menghuraikan bahan, corak, warna dan busana tiruan, serta menganalisis fungsi busana yang diterangkan kepada masyarakat dalam teks. Berdasarkan kaedah analisis teks dan pendekatan estetik, kajian ini berjaya menemui pelbagai jenis busana dikategorikan kepada pakaian, barang kemas dan peralatan. Dalam Naskhah Melayu Syair Agung, terdapat banyak paparan busana yang mempunyai persamaan dari segi makna dan fungsi. Bahagian busana lain mempunyai makna dan kegunaan yang berbeza atau tidak lagi digunakan dalam konteks semasa. Walaupun kajian ini meninjau busana tradisional Melayu, konsep pakaian yang terdapat dalam kajian ini khususnya yang berkaitan dengan busana dan aksesori boleh diaplikasikan dalam busana *sinipak* Dusun Tindal.

Yoon dan Pui Ling (2018) telah mengkaji busana etnik Rungus iaitu salah satu etnik yang terdapat di Sabah. Busana orang Rungus diteliti dari sudut seni melalui tesisnya yang bertajuk "Elemen Estetika dalam Reka Bentuk Motif Pakaian Tradisional Masyarakat Rungus di Sabah". Kostum tradisional yang dimiliki oleh etnik Bumiputera Sabah diketahui mempunyai keunikan dan keindahan tersendiri dari segi reka bentuk dan motif. Oleh itu, jika dilihat kepada kajian yang dilakukan oleh Yoon, terdapat persamaan antara kajian yang dilakukan oleh pengkaji tentang Dusun Tindal yang tinggal di daerah Kota Belud. Dua masalah kajian mendapati nilai budaya dan amalan tradisi semakin terhakis akibat arus kemodenan sekali gus menjejaskan ilmu dan amalan budaya dalam kalangan generasi muda. Kaedah kajian yang dijalankan oleh Yoon adalah berdasarkan data kajian yang diperolehi daripada hasil pemerhatian, temu bual dan rakaman audio, yang kemudiannya dianalisis berdasarkan pendekatan estetik daripada Beardsley (1975) dan Vitruvius (1960). Hasil kajian ini, terdapat perbezaan dari segi kaedah dan pendekatan kajian yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data kajian. Kaedah tersebut berdasarkan teori semiotik yang dibangunkan oleh Charles Sanders Peirce dan Ferdinand de Saussure. Pengkaji juga merujuk pendekatan prinsip estetik Melayu daripada Zakaria Ali iaitu kehalusan, kebergunaan, kesatuan, kontras dan simbolik. Bagi menyerlahkan elemen estetik dalam busana tradisional Dusun Tindal yang didominasi oleh unsur flora dan fauna, alam sekitar serta pengaruh kosmos.

Jusilin dan Kindoyop (2016), memfokuskan kepada kajian busana etnik Suang Lotud di Sabah. Kajian ini memaparkan ciri reka bentuk dan kecantikan pakaian lelaki dan wanita Suang Lotud. Istilah dalam bahasa suku kaum Suang Lotud digunakan untuk menamakan bahagian dan motif pada pakaian

tersebut. Terdapat empat komponen estetik yang menjadi asas analisis iaitu harmoni, keseimbangan, kesatuan dan makna. Kajian dalam bidang seni ini mengaplikasikan kerangka teori yang dikemukakan oleh Beardsley (1975) dan Vitruvius (1960) bagi menggambarkan estetika busana Suang Lotud. Terdapat empat komponen estetik yang menjadi asas analisis iaitu harmoni, keseimbangan, kesatuan dan makna. Selain membincangkan secara khusus busana tradisional etnik Lotud, terdapat persamaan antara kajian yang dijalankan oleh pengkaji dengan Jusilin dan Kindoyop. Pengkaji juga menggunakan empat komponen untuk menerangkan reka bentuk, motif dan hiasan dalam busana tradisional Dusun Tindal. Pengkaji turut mengklasifikasikan reka bentuk dan motif busana tradisional Dusun Tindal kepada beberapa kategori iaitu motif flora dan fauna, motif geometri dan motif organik. Selain itu, latar belakang dan asal usul masyarakat Suang Lotud dan Dusun Tindal adalah sebahagian daripada etnik Kadazandusun. Manakala adat resam dan kepercayaan menjadi amalan masyarakat yang saling berkaitan dengan kehidupan, alam sekitar dan kosmologi. Walaupun pengaruh agama telah tersebar, adat resam dan kepercayaan tradisional masih diamalkan dalam budaya dan cara hidup masyarakat ini. Nilai estetika yang dipamerkan pada pakaian Suang Lotud dan Dusun Tindal secara tidak langsung dapat mencerminkan pemikiran dan falsafah masyarakat.

### **Reka bentuk Corak Dan Symbolisme Motif *Sinipak***

Setiap elemen dalam budaya visual etnik mempunyai kod budaya tersendiri yang dapat ditafsir melalui pendekatan semiotik dan etnografi visual. Oleh itu, hasil kajian ini pengkaji bersetuju dengan pendapat kajian lepas, hal ini kerana, setiap budaya itu boleh dilihat secara visual melalui unsur seni seperti busana tradisional, warna dan motif. Selain itu, dalam konteks *sinipak*, reka corak dan simbolisme ini hadir dalam bentuk motif, kombinasi warna, reka bentuk pakaian serta simbol-simbol adat yang dikenakan oleh wanita Dusun Tindal. Setiap elemen ini bukan sahaja berfungsi sebagai hiasan fizikal, tetapi juga mengandungi makna simbolik yang difahami dalam konteks budaya mereka. Sebagai contoh, motif *rombituon* iaitu bintang pada corak *tompiras* (corak busana *sinipak*) mewakili petunjuk arah, perlindungan roh nenek moyang atau hubungan dengan alam semesta. Sementara, warna hitam pula menunjukkan kekuatan, kuasa atau perlindungan daripada roh jahat. Stuart Hall (1997) menyatakan "*Every pattern is a sign loaded with cultural meaning,*" iaitu penentuan sesuatu corak memerlukan pemahaman terhadap konteks budaya, kerana sesuatu reka bentuk boleh bermakna berbeza dalam budaya yang berbeza.

Koentjaraningrat (2009), seorang antropologi budaya Indonesia, menegaskan bahawa reka corak dalam pakaian dan kraftangan tradisional adalah ekspresi sistem kepercayaan dan nilai masyarakat setempat. Menurut beliau, reka corak tradisional sering mengandungi unsur kepercayaan spiritual seperti dapat melindungi si pemakai daripada roh jahat. Beliau menyatakan bahawa kajian reka corak tradisional perlu dilihat dalam konteks kehidupan sosial dan adat istiadat masyarakat itu sendiri. Kerana mengandungi simbol status sosial hubungan manusia dengan alam. Dalam buku "*The Interpretation of Cultures*", Geertz (1973) menjelaskan bahawa budaya ialah sistem simbol dan reka corak tradisional adalah satu bentuk "*cultural text*" yang boleh dibaca dan ditafsirkan. Corak dilihat sebagai naratif visual yang menceritakan kisah identiti, kepercayaan dan sejarah masyarakat. "*Culture is not a power, something to which social events can be causally attributed; it is a context, something within which they can be intelligibly i.e., thickly described.*" (Geertz 1973). Dalam konteks reka bentuk moden, Ellen Lupton, seorang pereka grafik dan penulis terkenal dalam bidang tipografi dan visual, melihat reka corak sebagai alat komunikasi visual moden yang menggabungkan antara fungsi dan estetik. Dalam bukunya "*Thinking with Type*", beliau menyatakan bahawa reka corak bukan sahaja hiasan tetapi juga memberi struktur visual kepada produk seperti mewujudkan identiti jenama dan menyampaikan nilai budaya dalam bentuk kontemporari.

Noor Sudiyati, sarjana Indonesia dalam sejarah dan budaya Asia Tenggara, menyatakan bahawa motif dan corak tradisional merupakan "Arkib Visual" yang mengandungi naratif sejarah dan simbolisme spiritual. Beliau menekankan pentingnya mendokumentasikan dan menghidupkan semula reka corak tradisi dalam konteks pendidikan dan seni kontemporari agar warisan ini tidak pupus. Motif dan corak etnik bukan sahaja hiasan tetapi merupakan kod visual sejarah yang disematkan pada kain, kayu dan logam (Noor Sudiyati 2016). Hasil kajian ini, pengkaji bersetuju dengan kajian yang dijalankan sebelum ini kerana mendapati reka corak pada *sinipak* menekankan keseimbangan visual,

pengulangan bentuk geometri, serta gabungan elemen flora, fauna dan kosmos. Selain itu, motif yang digunakan mempunyai struktur tersendiri yang mengikuti garis-garis tradisi serta susunan berirama. Contohnya, motif *rombituon* (motif bintang) melambangkan cahaya, arah serta perlindungan daripada roh nenek moyang. Sementara itu, bagi motif *sinumpak luba* (pucuk rebung) melambangkan pertumbuhan dan kesuburan. Motif *puru-puru* (motif titisan hujan) menggambarkan sebuah elemen bulatan kecil yang berulang membentuk elemen kesatuan. Motif pada *sinipak* bukan hanya berfungsi sebagai hiasan, tetapi juga mengandungi makna simbolik yang mendalam seperti simbol spiritual sebagai bentuk perlindungan daripada roh jahat. Seterusnya, simbol status sosial iaitu hanya dipakai oleh golongan tertentu dalam masyarakat seperti golongan bangsawan dalam Dusun Tindal. Motif ini juga menjadi identiti dan jati diri kepada etnik Tindal untuk membezakan mereka dengan kumpulan etnik lain di Sabah. Justeru itu, peranan reka corak dalam pelestarian budaya berfungsi sebagai medium pendidikan budaya tidak formal, di mana generasi muda mempelajari sejarah dan nilai tradisi melalui pembuatan dan pemakaian pakaian tersebut. Dalam konteks globalisasi dan modenisasi, motif ini juga menjadi sumber inspirasi dalam fesyen kontemporari, kraftangan dan produk pelancongan budaya.

### Sulaman Busana Etnik Sabah

Aspek kearifan tempatan etnik Kadazandusun yang ditulis oleh Norsuhaila dan Asmiaty (2017) mendapati unsur kepercayaan dan seni sebagai warisan budaya mempunyai percanggahan dan terhad dalam kalangan generasi muda dan generasi tua. Namun, kearifan tempatan Kadazandusun menunjukkan keunikan nilai budaya yang memberi kesan kepada kehidupan. Melihat kepada perbandingan kajian lepas dengan kajian saya, etnik Dusun Tindal juga mempunyai amalan warisan tradisi yang boleh mewakili keutuhan jati diri mereka. Masyarakat ini mempunyai kebolehan dan pemikiran kreatif untuk menghasilkan sulaman sendiri pada pakaian mereka. Kegiatan menyulam sememangnya sinonim dengan masyarakat Kadazandusun sendiri. Tradisi ini merupakan warisan yang telah dipelajari turun temurun daripada nenek moyang mereka. Jusilin dan Kindoyop (2016), menganggap aspek seperti reka bentuk, motif dan corak mempunyai kaitan secara langsung dengan sulaman tangan. Elemen estetika seperti keharmonian, keseimbangan, kesatuan dan makna telah ditonjolkan dalam sulaman yang melibatkan motif dan corak. Hasil kajian lepas mendapati terdapat perkaitan antara elemen estetik dengan kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji iaitu sulaman benang emas. Rata-rata suku kaum Kadazandusun menggunakan sulaman benang emas sebagai hiasan utama pakaian mereka. Seni sulaman ini disebut dengan beberapa istilah contohnya *linongkitan* merujuk kepada seni sulaman benang emas. Pada zaman dahulu, kebanyakan etnik Dusun menggunakan benang berwarna emas untuk menyulam motif pada busana tradisional.

### Warna Dalam Etnik Sabah

Ramai sarjana percaya warna hitam melambangkan kuasa yang dapat melindungi pemakainya daripada roh jahat, manakala sebahagian lagi mempercayai warna mengikut gaya hidup etnik Kadazandusun, yang nenek moyang mereka hidup dalam keadaan alam semula jadi. Dalam kajian ini, kebanyakan pakaian tradisional di Sabah berwarna hitam kerana dipercayai sebagai lambang kuasa atau warna ketuhanan yang dapat melindungi pemakainya daripada makhluk jahat yang mengganggu aktiviti harian mereka. Di samping itu, pada masa dahulu, orang Kadazandusun melakukan tenunan atau mangawol, di mana kebanyakan kain yang digunakan adalah hitam. Biasanya tenunan ini adalah lebihan kain daripada tenunan *gonob* (kain sarung) wanita Dusun Tindal. Ini kerana dahulu penghasilan kain hitam lebih mudah diperolehi daripada kaedah mencampurkan bahan semula jadi dalam pakaian mereka.

Erren Jossie Baeren dan Humin Jusilin (2019), dalam jurnal mereka bertajuk "*Exploration of Natural Batik Colour in the Context of Colour Ethnic Traditional in Sabah.*" Warna tradisi tersebut telah wujud melalui beberapa penceritaan mitos berdasarkan peristiwa yang berlaku pada masa lampau dan diturunkan secara lisan. Pencelupan semula jadi yang bersumberkan alam telah dipergiatkan dalam kalangan etnik Sabah dalam kraftangan. Warna-warna tradisional di Sabah telah dipergiatkan sejak dahulu lagi dan diperolehi daripada bahan-bahan semula jadi yang mudah didapati di persekitaran untuk menghasilkan pewarna. Begitu juga halnya dengan kepelbagaian dari segi kaedah menghasilkan

warna. Setiap kumpulan etnik mempunyai cara tertentu untuk mendapatkan bahan warna daripada jenis tumbuhan tertentu. Suku kaum di Sabah amat mementingkan penggunaan warna kerana setiap warna mempunyai makna tertentu dalam adat dan budaya mereka.

Elysiana Jemaslin dan Harleny binti Abdul Arif (2019), dalam jurnal mereka bertajuk "*The Aesthetic Value of Sabung Impit of Tombonuo Ethnic in Paitan Sabah*" menerangkan warna di bahagian tengah busana *Sabung Impit* lelaki. Terdapat *Pangko*, yang terdiri daripada kain *Janjior* dengan warna merah, hitam dan putih. Warna merah melambangkan keberanian atau bersedia untuk berkorban, manakala warna putih melambangkan kesucian dan kesabaran dan warna hitam berkaitan dengan agama. *Pangkos* ialah kain dengan ilmu batin yang berkaitan dengan halimunan dan keberanian yang dipelajari oleh pemakainya. Etnik Tombonuo di Paitan percaya bahawa seorang lelaki yang memakai *Pangkos* di lengannya akan menjadikannya seorang yang kuat dan dihormati. Jika dilihat kepada kedua-dua kajian ini, Pengkaji mendapati terdapat perkaitan antara kajian yang dijalankan oleh pengkaji dengan fakta bahawa warna etnik Sabah berkait rapat dengan gaya hidup dan amalan yang dijalankan oleh etnik Kadazandusun. Ini kerana warna tersebut sangat berkait dengan motif dan corak pada pakaian tradisional etnik Kadazandusun yang menggambarkan kehidupan masyarakat yang begitu akrab dengan persekitaran. Warna juga bertindak sebagai panduan dalam penghasilan motif dan corak pada pakaian tradisional etnik di Sabah agar nilai dan makna budaya etnik itu terus terpelihara.

Hasil kajian ini terdapat persamaan penggunaan warna antara etnik Tombonuo di Paitan dengan etnik Dusun Tindal di Kota Belud. Contohnya, dalam etnik Dusun Tindal, warna hitam adalah warna yang melambangkan kesucian dan merupakan pakaian ketuhanan. Hal ini dapat dilihat apabila masyarakat mengadakan upacara penting seperti upacara pemujaan roh padi yang dipanggil *bambarayon*. Selain itu, warna kuning dalam pakaian tradisional etnik Kadazandusun sebenarnya mempunyai makna atau penggunaan warna itu tidak bermakna si pemakainya kaya dengan emas semata-mata atau mempunyai harta yang boleh dibanggakan. Namun menjadikan warna emas kekuningan itu kekal sebagai lambang persaudaraan atau kekuatan yang sukar pudar walaupun terpisah jauh. Warna merah melambangkan keharmonian, kekeluargaan dan kepahlawanan bagi si pemakai, yang terukir dalam pakaian tradisional mereka.

### Warisan motif dan corak etnik Sabah

Menurut Ismail (2011), motif ialah imej yang mewakili tema, cerita atau peristiwa dan merupakan ikon bagi sesuatu yang dipanggil alat, objek buatan atau objek semula jadi. Reka bentuk langsung dan analisis motif menerangkan kewujudan ikon dalam motif yang ditunjukkan. Hasil seni kraf warisan membuktikan kebijaksanaan pemikiran masyarakat melalui pembentukan rekaan dan motif kraf. Konsep pembentukan rekaan dan motif dalam kraf tenunan etnik Dusun Tindal digambarkan melalui hiasan kraf tenunan yang dihasilkan. Pembentukan corak adalah berdasarkan rupa yang dipanggil motif, manakala motif ialah imej yang mewakili tema, cerita atau peristiwa dan ikon untuk sesuatu yang dipanggil alat, objek buatan atau objek semula jadi. Jika dilihat kepada kajian yang dilakukan oleh Ismail (2011), terdapat kontra antara corak dan motif yang dilakukan oleh pengkaji. Ini secara langsung menjelaskan kewujudan motif dan corak dalam pakaian *sinipak*. Penempatan etnik Dusun Tindal yang dikelilingi oleh alam semula jadi telah memberi inspirasi kepada mereka untuk menghasilkan motif dan corak. Busana yang dihasilkan juga mempunyai kegunaan dan fungsi dalam kehidupan seharian. Corak sulaman *tompiras* pada bahagian belakang pakaian tradisional Dusun Tindal dikenali sebagai *Sinumpak Luba* (pucuk rebung), *Rombituon* (bintang), *Nogipang* (figura wanita), *Kinilong* (zig-zag) dan *Pinuru-Puru* (titik-titik kecil berkelau). Motif *langkit* pula memiliki beberapa variasi bentuk iaitu corak geometri. Corak ini terdiri daripada dua jenis corak sulaman dengan menggunakan teknik sulaman asli yang menggunakan kaedah tradisional dan teknik sulaman *crostitch*, iaitu satu teknik sulaman moden yang telah dikembangkan.

Salbiah Kindoyop, Humin Jusilin dan Noria anak Tugang (2019) dalam kajian mereka "Rekaan kraf anyaman tradisional masyarakat Dusun Tindal" memfokuskan kepada konsep rekaan corak dalam penghasilan kraftangan etnik Dusun Tindal tradisional. Kajian mereka dianggap penting kerana terdapat aspek seperti reka bentuk, motif dan corak busana yang berkaitan dengan fokus tenunan

kraftangan etnik Dusun Tindal. Unsur-unsur estetik seperti harmoni, keseimbangan, kesatuan dan makna telah ditonjolkan dalam penulisan mereka. Selain itu, beberapa perhatian utama ditemui dalam kajian mereka seperti usaha pendokumentasian warisan anyaman tradisional sebagai elemen identiti budaya. Seterusnya, menjejak alas pemikiran budaya yang memberi nilai pada motif dan teknik anyaman dan menelusuri fungsi sosial dan ritual anyaman dalam konteks perayaan dan kehidupan harian masyarakat Dusun Tindal. Hasil daripada kajian ini, terdapat perbezaan antara kajian lepas dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Kajian yang dilakukan sebelum ini hanya tertumpu kepada kebijaksanaan pemikiran etnik Dusun Tindal dalam penciptaan corak dan motif rekaan dalam kraftangan yang digunakan dalam aktiviti harian mereka. Corak atau motif rekaan merupakan sebahagian daripada elemen visual utama dalam menghasilkan pakaian tradisional.

Motif biasanya diproses dan dibangunkan sebagai reka bentuk corak yang menjadi hiasan perisian untuk pakaian tradisional. Dalam menghasilkan rekaan corak yang kreatif untuk pakaian tradisional, pereka biasanya mendapat ilham daripada alam sekitar seperti flora dan fauna. Oleh itu, setiap idea pembuatan pakaian tradisional yang diterapkan adalah hasil perkaitan reka corak dengan masyarakat, budaya dan persekitaran. Hubungan antara idea kreatif dengan maknanya dalam penghasilan karya seni pakaian tradisional dapat menjelaskan nilai minda dan pengalaman seseorang pereka itu sendiri, yang dipengaruhi oleh bentuk fizikal kehidupan di persekitarannya. Implikasinya ialah kita dapat mengetahui pengaruh reka bentuk yang diterapkan mengikut aspirasi seseorang pereka itu sendiri berdasarkan pengalaman dan konsentrasi imej yang terlintas pada fikiran tukang jahit. Secara tidak langsung, setiap rekaan pakaian tradisional yang dihasilkannya adalah berdasarkan teknik pengayaan motif, olahan, idea dan pemahaman. Sekiranya reka bentuk corak sentiasa berubah, maka maknanya juga akan berubah mengikut aspirasi yang memupuk idea tersebut. Proses pembuatan pakaian tradisional berkait rapat dengan bahan dan peralatan yang digunakan oleh pereka pakaian tradisional.

#### **Nilai keindahan dalam busana etnik Sabah**

Humin Jusilin dan Salbiah Kindoyop (2016) menyatakan busana tradisional etnik di Sabah mempunyai ciri-ciri yang sangat menarik untuk diteliti kerana ia mencerminkan identiti budaya sesuatu kumpulan etnik. Ia adalah warisan nenek moyang yang diturunkan dari semasa ke semasa. Hasil daripada kajian Humin Jusilin dan Salbiah Kindoyop, terdapat perkaitan antara kajian yang dijalankan oleh penyelidik. Di mana identiti budaya Tindal dapat dilihat dalam busana tradisional *sinipak*, yang merupakan bahagian terpenting dan sangat dihargai dalam warisan budaya masyarakat Tindal. Pakaian itu telah diturunkan selama berabad-abad dan digunakan dalam pelbagai upacara dan perayaan tradisional, seperti perkahwinan dan perayaan seperti pesta Kaamatan.


Kedua-dua kajian ini juga mempunyai persamaan dari segi kaedah kerja lapangan dengan mengumpul dan mendokumentasikan sebanyak mungkin maklumat tentang pakaian etnik di Sabah dan mengkategorikan reka bentuk dan hiasan pakaian etnik mengikut nilai estetika. Dalam menjalankan kajian, kedua-dua pengkaji turut menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan data. Lokman Abd Samad (2019), dalam kajiannya yang bertajuk "*Bridal Dais of the Iranun Community in the District of Kota Belud, Sabah*," menjelaskan budaya objek atau peralatan yang digunakan untuk menonjolkan keindahan pelamin masyarakat Iranun iaitu etnik minoriti yang mendiami kawasan pesisir pantai barat khususnya di daerah Kota Belud.

Penyelidikan ini melihat hubungan keindahan budaya benda Pelamin iaitu tempat bersanding bagi pengantin yang tinggal di daerah Kota Belud. Kajian ini melihat bagaimana hubungan keindahan budaya objek (Pelamin) masyarakat Iranun yang menggambarkan kedudukan sosial dalam struktur sosial dan aspek budaya objek. Hasil kajian ini, pengkaji bersetuju dengan kajian yang dilakukan oleh Lokman Abd Samad, kerana terdapat kaitan antara kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Di mana busana *sinipak* juga dipandang tinggi dan diperagakan dengan penuh kebanggaan oleh wanita Dusun Tindal sebagai lambang identiti budaya dan mengandungi nilai kecantikan. Selain itu, masyarakat Dusun Tindal juga mencerminkan nilai sosial dan kewibawaan dalam struktur sosialnya melalui aspek budaya material seperti tali pinggang daripada duit syiling perak (botungkat), penggunaan manik dan aksesori lain pada busana *sinipak*.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana ia membolehkan penyelidik meneliti dengan lebih mendalam makna budaya, simbolisme, teknik ketukangan dan nilai estetika yang terkandung dalam busana sinipak masyarakat Dusun Tindal di Kota Belud. Pendekatan ini dipilih kerana ia sesuai untuk memahami konteks sosial, falsafah dan identiti komuniti yang tidak dapat dijelaskan sepenuhnya melalui kaedah kuantitatif. Kajian ini berbentuk kajian kes yang memberi tumpuan kepada pendokumentasian dan analisis busana sinipak sebagai artifak budaya, dengan menggabungkan beberapa kaedah utama seperti analisis kandungan, analisis visual, temu bual separa berstruktur, kerja lapangan serta penyelidikan arkib.




Rajah 2. Reka bentuk kajian

## Kaedah Pengumpulan Data

Pengumpulan data melibatkan tiga komponen utama iaitu kajian literatur, visual dan lisan. Analisis kandungan dilaksanakan melalui rujukan terhadap buku, artikel jurnal, tesis, manuskrip lama serta dokumen arkib yang berkaitan dengan budaya dan busana etnik Kadazandusun, khususnya Dusun Tindal. Kajian literatur ini berfungsi untuk membina kerangka sejarah dan budaya serta menyokong data primer yang diperoleh. Seterusnya, analisis visual dilaksanakan dengan meneliti contoh busana *sinipak* daripada koleksi muzium, pusat warisan budaya, koleksi persendirian dan dokumentasi fotografi. Pemerhatian ini menekankan aspek motif, warna, susunan corak, teknik sulaman, bentuk dan aksesori. Busana *sinipak* dianalisis bukan hanya sebagai objek fizikal, tetapi juga sebagai teks visual yang sarat dengan makna simbolik. Selain itu, temu bual separa berstruktur dijalankan bersama penjahit busana, warga emas, pakar budaya Kadazandusun dan masyarakat Dusun Tindal. Temu bual ini membolehkan penyelidik memperoleh maklumat berkaitan reka bentuk, corak, makna simbolik pada motif busana *sinipak*. Pendekatan separa berstruktur membolehkan pengkaji mengekalkan fokus pada persoalan kajian sambil memberi ruang untuk meneroka tema baharu yang muncul sepanjang temu bual. Kerja lapangan pula dilaksanakan di kedai busana tradisional, pusat kraftangan dan acara kebudayaan seperti perkahwinan, pesta Kaamatan dan upacara adat. Kaedah ini memberi peluang kepada penyelidik untuk menyaksikan secara langsung proses pembuatan, penggunaan dan peranan *sinipak* dalam konteks sebenar. Dokumentasi lapangan dilakukan melalui rakaman audio, video, fotografi serta catatan lapangan untuk memastikan data yang lengkap dan sah diperoleh.

Pemilihan sampel dalam kajian ini menggunakan kaedah *purposive sampling* dengan memberi tumpuan kepada busana *sinipak* yang mempunyai keaslian pembuatan, diiktiraf sebagai warisan budaya dan mempamerkan variasi motif yang kaya. Sebagai sampel utama, sepasang busana *sinipak* yang mempunyai dua variasi pada bahagian leher dan *gonob* (kain sarung) telah dipilih, selain beberapa aksesori seperti *tiupu* (aksesori bahagian dada) dan *botungkat* (duit syiling lama British). Pemilihan ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran menyeluruh tentang kepelbagaian reka corak dan simbolisme yang terdapat dalam busana berkenaan. Data yang dikumpul dianalisis melalui proses transkripsi, pengkodan dan pengelompokan mengikut tema-tema utama seperti identiti budaya, simbolisme motif, status sosial dan nilai estetika busana. Teori semiotik Charles Sanders Peirce digunakan kerana menekankan bahawa tanda atau *sign* itu berfungsi melalui hubungan tiga komponen utama yang saling berkaitan iaitu representamen, objek dan interpretant. Representamen merujuk kepada bentuk atau rupa tanda yang dapat dilihat, didengar atau dirasakan, seperti motif, corak, warna dan aksesori pada busana *sinipak*. Objek pula ialah realiti atau konsep budaya yang diwakili oleh tanda tersebut, misalnya hubungan dengan alam semula jadi, kepercayaan spiritual atau status sosial masyarakat Dusun Tindal. Sementara itu, interpretant ialah makna yang terbentuk dalam minda pemerhati atau pemakai busana, iaitu bagaimana motif atau corak tertentu ditafsir sebagai simbol kesuburan, perlindungan roh atau kesinambungan hidup.

Selain tiga komponen asas ini, Peirce juga mengklasifikasikan tanda kepada tiga kategori utama, iaitu ikon, indeks dan simbol. Ikon ialah tanda yang mempunyai persamaan visual dengan objeknya, contohnya corak bintang pada *sinipak* yang menyerupai bentuk bintang sebenar. Indeks pula merujuk kepada tanda yang mempunyai hubungan kontekstual atau langsung dengan objek, seperti motif tertentu yang hanya dipakai oleh golongan wanita bangsawan sebagai penanda status sosial. Simbol pula adalah tanda yang maknanya terbentuk melalui konvensi budaya, misalnya penggunaan warna hitam pada busana *sinipak* yang dikaitkan dengan adat, keseriusan atau lambang identiti. Dalam konteks kajian ini, teori semiotik Peirce memberi asas yang sistematik untuk menafsirkan busana *sinipak* sebagai teks budaya visual yang kaya dengan makna. Hubungan antara representamen, objek dan interpretant membantu menjelaskan bagaimana setiap motif dan corak bukan sahaja berfungsi sebagai hiasan estetika, tetapi juga sebagai lambang yang menghubungkan realiti budaya dengan makna yang ditafsir oleh masyarakat Dusun Tindal. Oleh itu, teori ini menekankan bahawa pemahaman terhadap busana *sinipak* memerlukan analisis mendalam terhadap tanda-tanda visual dan simboliknya, sekali gus memperlihatkan peranannya sebagai medium komunikasi budaya dan warisan tekstil yang bernilai.



Rajah 3. Teori semiontik daripada Charles Sanders Peirce

## DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membentangkan pandangan utama yang ditemui melalui analisis visual, temu bual dengan penjahit, dan kajian literatur mengenai busana *sinipak* Dusun Tindal. Penyelidikan mendedahkan bagaimana *sinipak* ini bukan sekadar pakaian adat ia adalah artifak budaya yang kuat yang mencerminkan identiti, tradisi dan simbolisme. Penemuan disusun dalam dua tema utama iaitu penggunaan reka corak dan motif *sinipak* dalam busana etnik Tindal. Bersama-sama, penemuan ini menunjukkan kepentingan busana *sinipak* yang berkekalan dan peranan pentingnya dalam memelihara warisan etnik Dusun Tindal. Selain itu, motif *sinipak* dalam busana etnik Tindal memiliki pelbagai bentuk seperti bentuk geometri, organik dan bentuk abstrak yang disusun secara simetri. Reka corak ini bukan sahaja menampilkan estetika visual, tetapi juga mencerminkan bagaimana kehalusan kemahiran tangan komuniti Dusun Tindal dalam menghasilkan busana tradisional mereka. Teknik pembuatan dan penghasilan motif dilakukan secara sulaman tangan menggunakan benang emas atau perak pada kain baldu hitam, yang menjadi asas kepada busana rasmi etnik Tindal. Teknik ini diwarisi secara turun-temurun dan memerlukan ketelitian tinggi, yang melambangkan status dan identiti si pemakai. Setiap motif dalam reka corak *sinipak* membawa maksud tersendiri. Contohnya, motif pada *langkit* yang berbentuk geometri, mencerminkan keseimbangan, keharmonian sosial dan struktur adat dalam masyarakat Dusun Tindal. Busana *sinipak* bukan sekadar hiasan, tetapi berperanan penting dalam konteks adat dan budaya. Ia digunakan dalam majlis rasmi seperti perkahwinan, persembahan kebudayaan, dan perayaan tradisional. Pemakaian busana *sinipak* melambangkan status, jati diri etnik Tindal, serta penghormatan terhadap warisan nenek moyang.

## Reka Bentuk Busana *Sinipak* Etnik Dusun Tindal

Setiap kumpulan etnik di Sabah mempunyai busana tradisional yang tersendiri. Busana ini menjadi lambang identiti dan kebanggaan bagi mereka yang tinggal di daerah Kota Belud. Menurut Owen Rutter (1989), busana *sinipak* Dusun Tindal disifatkan sebagai pakaian ketuhanan kerana warna hitam bagi etnik Tindal melambangkan simbol kuasa atau warna ketuhanan yang dapat melindungi si pemakai daripada roh jahat. Sementara itu, menurut Sikah Kuloh (2023), busana tradisional etnik Dusun Tindal melambangkan kecantikan dan pengorbanan Huminodun. Huminodun ialah seorang wanita Kadazandusun yang memiliki rupa paras cantik lalu dikorbankan untuk menyelamatkan kaum Kadazandusun daripada kemarau panjang yang melanda pada ketika itu. *Sinipak* juga digambarkan dalam rangkaian kata-kata ritual semasa *bobolian* (pengamal adat) Dusun Tindal sedang membaca *rinait* (mentera) dalam upacara adat seperti *magabawob* (upacara kesyukuran untuk menghormati dan menenangkan semangat padi selepas musim menuai) untuk memudahkan *bobolian* berkomunikasi dengan alam roh bagi tujuan memohon kesembuhan atau mengucapkan syukur hasil tuaian padi yang diperolehi Kandamoi (Laus 2021).

Pada zaman dahulu penenun dan pereka busana *sinipak* menginspirasi alam semula jadi sebagai bentuk visual untuk menghasilkan sesuatu motif. Keunikan rekaan *sinipak* ini terletak pada motifnya dan ditambah dengan corak iaitu susunan atau kombinasi motif pada kain yang membentuk keseluruhan reka bentuk. Kini ramai dalam kalangan penjahit busana *sinipak* mengusahakan perniagaan pakaian tradisional sehingga ciri-ciri pada busana tradisional ini mengalami perubahan pada reka bentuk motif. Siti Zainon Ismail (1986) menyatakan bahawa masalah gaya seni hiasan pakaian sebagai penentuan peribadi atau identiti pakaian menunjukkan peranan artisan atau artis itu sendiri. Walaupun secara tradisinya tukang jahit hanya mewarisi kemahiran generasi terdahulu, namun kepekaan mereka untuk mencipta gubahan motif atau rekaan warna boleh menjejaskan nilai keaslian hasil kraftangan. Busana *sinipak* tradisional mempunyai nilai estetika yang tinggi dan dapat dilihat daripada proses pembuatan awal sehinggalah dipakai yang mampu menampilkan kecantikan dan keanggunan si pemakai selain menitikberatkan sifat-sifat tertentu. Menurut Othman Mohd Yatim, (2006) dalam memahami kepentingan kain songket kepada orang Melayu adalah lebih bermanfaat apabila seseorang memahami tentang keindahannya. Ini bermakna setiap tukang jahit yang membuat pakaian tradisional *sinipak* terlebih dahulu perlu memahami dan mempelajari nilai keindahan pakaian tradisional etnik Dusun Tindal sebelum menghasilkan busana tradisional ini.


Reka bentuk berasaskan bidang seni ialah idea atau imej yang dicipta dan dihasilkan secara berperingkat melalui proses melukis, melakar dan seterusnya hasil ciptaan berdasarkan tujuan idea yang telah ditetapkan. Selain itu, daya imaginasi juga merupakan salah satu landasan dalam mempengaruhi perubahan sesuatu idea atau imej. Menurut Nurul Asmar dan Harozilla (2014) penggunaan daya imaginasi pada sesuatu ciptaan rekaan, akan mengalami proses perubahan, berbeza-beza atau berkembang dengan apa yang difikirkan. Hal ini sama terjadi dengan busana *sinipak*, dimana terdapat persamaan pada busana etnik Bajau Samah dan Iranun khususnya di bahagian lengan baju etnik Dusun Tindal. Menurut Mohd Nazir, tukang jahit busana etnik Bajau Samah, busana etnik mereka dikenali sebagai *badu sampit sinipak*. Oleh itu, busana *sinipak* Dusun Tindal mempunyai persamaan nama dengan busana dari etnik Bajau Samah. Dari segi warna, terdapat perbezaan warna pada pakaian kedua-dua etnik ini. Biasanya pakaian tradisional Bajau Samah mengandungi lima jenis warna iaitu hitam, putih, hijau, dan kuning. Sementara etnik Tindal mengandungi warna hitam, merah dan kuning di bahagian renda atau lapisan kain berwarna-warni manakala Bajau Samah hanya memiliki satu lapisan kain sahaja.

Kesedaran terhadap pengalaman hidup bermasyarakat menyebabkan tekstil yang dijadikan busana dicipta berdasarkan konsep budaya masyarakat. Busana yang berkaitan dengan perayaan atau upacara dipakai mengikut susunan mestilah selaras dengan warna dan motif khas untuk majlis yang berkaitan Siti Zainon Ismail (2006). Ini menunjukkan busana tradisional yang dihasilkan oleh tukang jahit mestilah mempunyai fungsi yang berguna sebelum dipadankan dengan aksesori yang diperlukan. Reka bentuk konsep berdasarkan bidang seni merujuk kepada idea atau imej yang dihasilkan melalui penciptaan, gubahan, pemprosesan dan dihasilkan secara berperingkat mengikut proses seperti melukis, melakar dan seterusnya menilai hasil ciptaan yang menarik dan terbaik berpandukan kepada

tujuan idea yang telah ditetapkan. Tambahan pula, daya imaginasi merupakan salah satu platform dalam mempengaruhi perubahan sesuatu idea atau imej. Secara keseluruhannya, reka bentuk *sinipak* menonjolkan sentuhan seni dan kehalusan artistik dalam konteks budaya Dusun Tindal. Keindahan dimaksudkan ini ialah termasuklah motif, warna, corak dan aksesori yang dipadankan dalam busana. Busana ini dapat dipercayai mampu menarik perhatian, menunjukkan nilai keindahan dan makna simbolik mendalam bagi etnik Dusun Tindal. Kehalusan seni sulaman tangan dan hiasan manik-manik pada busana ini, menjadikan ianya satu kemahiran luar biasa patut dimiliki oleh mereka yang ingin mempelajarnya dengan mempunyai nilai kesabaran yang tinggi.








Rajah 4. Imej penampilan busana *sinipak* dengan dua reka bentuk berbeza  
Sumber: Koleksi pengkaji (2023)



Rajah 5. Lakaran reka bentuk busana *sinipak*  
Sumber: Koleksi pengkaji (2023)

Jadua 1. Perubahan dan pengayaan reka bentuk busana *sinipak* pada wanita etnik Dusun Tindal.

Tahun	Reka Bentuk Busana	Ciri-Ciri Busana	Aksesori
1900 -1940		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pakaian berbentuk sederhana seperti blaus hitam berlengan panjang.</li> <li>-Berwarna hitam.</li> <li>-Ditenun menggunakan serat batang pokok pisang (textil musa).</li> <li>- Busana ini merupakan lebih kain tenunan daripada <i>gonob</i> atau kain sarung.</li> <li>- Menggunakan kaedah tradisional sepenuhnya menggunakan <i>pangawol</i> sebuah alat tenunan tradisional.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menggunakan sunduk sebagai penutup kepala.</li> <li>- Saring pirok atau gelang perak.</li> <li>- Rantai leher atau <i>karu</i>.</li> <li>- <i>Solindang</i> iaitu kain yang disilangkan di bahagian dada.</li> </ul>
1950 -1960		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Reka bentuk busana mengalami perubahan sedikit pada bahagian lengan baju.</li> <li>- Terdapat belahan kain dengan renda berwarna-warni di kedua-dua busana tersebut.</li> <li>- Potongan busana lebih kemas.</li> <li>-Terdapat hiasan motif pada busana.</li> <li>- Tambahan hiasan sulaman pada bahagian <i>gonob</i> atau kain sarung.</li> <li>- Penggunaan kain kapas mula menggantikan serat batang pisang kerana lebih ringan dan mudah dibentuk.</li> <li>- Masih menggunakan kaedah tradisional iaitu ditenun menggunakan tangan.</li> <li>- Pada era ini busana ini sudah mula diperagakan untuk keluarga yang memiliki status sosial yang tinggi dalam masyarakat Dusun Tindal.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Busana <i>sinipak</i></li> <li>- <i>Saring pirok</i></li> <li>-<i>Gonob</i></li> <li>- <i>Tiupu</i> sebuah alat untuk menyimpan tembakau atau sirih</li> </ul>
1970 -1980		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Potongan baju dan bentuk masih mengekalkan warna asas hitam.</li> <li>- Penambahan aksesori pada busana.</li> <li>- Hiasan manik pada bahagian pinggang wanita</li> <li>- Penampilan rekaan busana lebih anggun dan selesa.</li> <li>-Menggunakan kain baldu hitam.</li> <li>-<i>Gonob</i> atau sarung hitam memiliki panjang hingga ke paras lutut atau betis. Berbanding era sebelum ini memiliki bentuk yang agak labuh ke bawah.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Sunduk sinulatan</li> <li>- Lolopot</li> <li>- Solindang</li> <li>-Tiupu</li> <li>- Dongsulub</li> <li>-Botungkat</li> <li>-Gonob</li> </ul>

1990 -2000		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Renda emas (<i>siling</i>) dibuat menggunakan mesin bukan lagi sepenuhnya buatan tangan.</li> <li>- Saiz motif dalam bentuk sederhana, sekiranya dipadankan dengan aksesori lain, motif tersebut tidak kelihatan dari jarak jauh.</li> <li>- Sunduk sebagai penutup kepala diletakan di samping tangan sekiranya tidak digunakan.</li> <li>- <i>Tiupu</i> sebelum ini berfungsi sebagai tempat menyimpan tembakau digunakan sebagai perhiasan leher.</li> <li>- Jumlah tiupu yang dikenakan pada bahagian dada berfungsi sebagai rantai dan simbol status sosial. Semakin banyak jumlah tiupu dikenakan semakin tinggi status sosial individu tersebut.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Sunduk sinulatan</li> <li>- Lolopot</li> <li>- Solindang</li> <li>-Tiupu</li> <li>- Dongsulub</li> <li>-Botungkat</li> <li>-Gonob</li> <li>-Saring pirok</li> </ul>
2017- Sekarang		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dihiasi dengan sulaman benang berwarna-warni.</li> <li>- Pada versi ini busana <i>sinipak</i> lebih kelihatan meriah dengan kehadiran motif pada <i>gonob</i>, <i>sunduk</i> dan baju</li> <li>- Penggunaan hiasan manik</li> <li>- Terdapat benang emas pada busana</li> <li>- menggunakan butang betawi</li> <li>-Rekaan kain renda masih menggekalkan warna asal iaitu kuning, merah dan hijau.</li> <li>- Reka bentuk gonob dihiasi penuh dengan motif yang pelbagai.</li> <li>- Busana ini dipadankan dengan aksesori seperti <i>botungkat</i> yang berfungsi sebagai tali pinggang</li> <li>- Reka bentuk <i>sinipak</i> dan <i>gonob</i> pada versi moden hari ini, turut mementingkan aurat di kalangan wanita muslimah Dusun Tindal. Sebagai contoh, reka bentuk <i>gonob</i> di labuhkan hingga melepasi paras lutut. Sehingga sangat sesuai digunakan oleh wanita Dusun Tindal yang beragama Islam.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Sinipak</li> <li>-Sunduk sinulatan</li> <li>- Lolopot</li> <li>- Solindang</li> <li>-Tiupu</li> <li>- Dongsulub</li> <li>-Botungkat</li> <li>-Gonob</li> <li>-Saring pirok</li> </ul>

## Motif Dan Corak Dalam Busana *Sinipak Dusun Tindal*

Secara umumnya, motif diklasifikasikan sebagai rupa atau bentuk asas dalam sesebuah rekaan atau gubahan. Motif hiasan juga digunakan untuk menghasilkan pola hiasan. Penghasilan motif dipengaruhi oleh faktor kemahiran pereka, imej alam persekitaran dan kepercayaan yang dianuti. Lazimnya motif-motif hiasan tradisi atau kontemporari berasaskan tumbuhan (organik) dan geometri. Pola motif tumbuh-tumbuhan adalah elemen yang paling digemari. Motif tumbuh-tumbuhan seperti dahan, ranting, daun dan bunga-bunga digunakan sebagai sumber ilham pada hiasan. Pemilihan ini mempunyai signifikan dengan faktor suasana kehidupan mereka di alam persekitaran yang kaya dengan pelbagai jenis tumbuhan (Zulkifli Hanafi 2000). Motif juga memiliki kepelbagaian transformasi bentuk geometri seperti bulatan, bujur dan segi tiga dan berfungsi sebagai hiasan. Motif biasanya dihasilkan melalui struktur susunan grid berulang. Susunan motif secara berulang-ulang menghasilkan corak. Motif dikaitkan dengan imej yang dicipta melalui transformasi bentuk atau simbol-simbol. Sebagai contoh, dalam budaya tradisi, ciptaan motif merujuk imiginasi, sesuatu tema, cerita atau legenda seperti yang dijelaskan oleh Vincent (2010) "*A number of the motifs use in early-held particular symbolic and religious meaning, and although many of these were to gradually become less significant, the figurative image has always created its own story and tradition and contemporary theme are able to sit comfortably together in the same computation*". Sehubungan dengan itu, variasi motif yang dihasilkan dalam masyarakat tradisional mempunyai kaitan dengan fungsi dan adat tertentu Siti (Zainon Ismail 1997). Walau bagaimanapun, motif merujuk penggunaannya sebagai hiasan yang sentiasa berubah dan kontemporari sifatnya.

Sebagai contoh, motif yang dihasilkan dalam pembuatan langkit iaitu bahagian lengan atas pakaian yang disulam menggunakan benang kapas (*gapas tiningkor gontihan*) berwarna-warni. Corak motif *langkit* ini selalunya diinspirasi oleh pucuk bunga kapas dan bunga tembikai. Warna kebiasaan yang digunakan adalah merah, putih, hijau, hitam dan kuning. Selain itu, motif tompiras atau petak segi empat tepat berpaling pada bahagian belakang busana *sinipak* merupakan antara motif kedua menonjol selepas langkit. Motif ini turut dihiasi dengan manik labuci seperti *sinupak luba*, *rombituan*, *nogipang*, *kanilong*, *pinuru-puru* dan lain-lain lagi. Kebanyakan motif yang digunakan sentiasa berubah berdasarkan ilham kontemporari daripada kegiatan harian seperti menunggang kuda, bercucuk tanam dan aktiviti nelayan (Dayang Rosidah dan Mustafa 2002). Ismail (2011) mentakrifkan motif merupakan sesuatu platform imej yang merangkumi kepada sesuatu tema, abstrak, cerita atau kejadian serta sebagai simbolik ataupun model kepada sesuatu alat sama ada objek buatan manusia mahupun objek semula jadi. Manakala menurut Haziyah Hussin (2006) Sarinah dalam Che Soh & Osman (2010) terdapat dua bentuk utama motif dalam mencorak permukaan kain khususnya batik iaitu motif organik dan motif geometri. Motif organik adalah seperti tumbuh-tumbuhan termasuk haiwan dan motif geometri pula lebih cenderung kepada motif yang bersudut seperti segi empat, segi tiga, mahupun lingkaran dan termasuk campuran contohnya motif pucuk rebung dan bunga kotak bercampur. Selain itu, sumber motif juga dapat dikesan melalui pengamatan persekitaran alam semula jadi seperti pemandangan ombak, bukit bukau, bulan, bintang, langit dan matahari juga dijadikan sumber idea untuk mencipta sesuatu objek yang cantik dan menarik. Siti Zainon Ismail (1997) berpandangan terdapat gambaran atau tamsilan bentuk motif yang direka cipta berasaskan pengalaman hidup atau apa yang dilihat di persekitaran sekeliling. Kenyataan ini juga selaras dengan pandangan Lydia, Intan Khasumarlina dan Harozila (2015) menerusi persepsi Guntur (2004) bagi menghasilkan sesuatu rekaan yang bermotif flora (tumbuh-tumbuhan), dapat dilakukan melalui proses imitasi (peniruan) secara *naturalistic* ataupun mengolah *stylization* terhadap sesuatu tumbuhan yang dilihat secara langsung. Di samping itu, motif tumbuh-tumbuhan yang diambil dan digubah adalah terdiri daripada bahagian keseluruhan pokok iaitu daripada batang hingga ke pucuk. Corak merupakan hiasan pada permukaan sesebuah objek, dalam seni ragam hias elemen rupa yang direka secara berulang akan menghasilkan motif. Apabila ulangan motif disusun secara berdekatan, menimbulkan corak pada permukaan objek (Siti Zainon 1997).


Reka corak baharu yang terhasil daripada gabungan rupa, motif dan corak melalui proses perkembangan idea dikenali sebagai ragam hias. Lazimnya corak terhasil daripada susunan motif sama ada secara teratur, terancang atau secara bebas. Sesebuah corak akan lebih kreatif, dinamik dan menarik apabila prinsip imbalan, pergerakan, kesatuan, harmoni, kontra dan kepelbagaian dapat

dirancang untuk meluaskan lagi fungsi corak. Corak ialah seni penyusunan sama ada dalam bentuk rupa geometri, rupa organik atau gabungan (Ismail Ibrahim 2007). Beberapa istilah dalam rekaan corak biasanya merujuk kepada struktur susunan corak berulang, berpusat, berpancar, cerminan, bertindih dan berselang-seli. Oleh itu, unsur-unsur motif dan corak sangat memainkan peranan dalam proses pembuatan pakaian terutamanya menerusi bidang fesyen sama ada pakaian tradisional mahupun kontemporari moden. Oleh itu, penggunaan motif flora juga sangat sinonim dan sesuai digunakan khususnya pada pakaian wanita kerana memiliki persamaan dari segi sifat-sifatnya yang indah, lembut, halus dan menarik.

### Pecahan motif pada busana *sinipak* Dusun Tindal

#### a. Motif Tompiras


Motif tompiras atau petak segi empat tepat berpalang pada bahagian belakang pakaian ini. Segi empat tepat ini melambangkan petak sawah manakala bentuk "X" atau Palang pula melambangkan Tiang Rumah terdahulu. Tompiras ini juga membawa maksud keteguhan, kekuatan dan kesatuan. Tompiras ini juga kadang kala dihiasi dengan corak motif manik labuci seperti *Sinupak Luba*, *Rombituon*, *Nogipang*, *Kinilong Pinuru-Puru* dan sebagainya.



Rajah 6. Motif tompiras pada belakang busana *sinipak*  
Sumber: Koleksi pengkaji (2023)

#### b. Motif Linangkit


Motif linangkit atau langkit terdapat pada bahagian lengan atas busana *sinipak*. Linangkit disulam menggunakan tangan dengan benang kapas (*Gapas Tiningkor Gontihan*) yang berwarna warni. Corak motif linangkit ini selalu diinspirasi oleh pucuk bunga kapas dan bunga tembikai. Selain itu, warna kebiasaan yang digunakan adalah merah, putih, hijau, hitam dan kuning.



Rajah 7. Motif linangkit atau langkit juga di kenali sebagai sambitan atau sinimbitan  
Sumber: Koleksi pengkaji (2023)

### c. Motif Sunduk

Sunduk do simulatan merujuk kepada penutup atau hiasan kepala wanita Dusun Tindal, biasanya sunduk digunakan dalam majlis perkahwinan untuk menambah seri wajah pengantin wanita dan juga dipakai oleh pengamal ritual iaitu Bobolian ketika upacara adat.



Rajah 8. Motif sunduk  
Sumber: Koleksi pengkaji (2023)

### d. Motif Lolopot

Lolopot atau kain dasar merah merupakan tenunan asli daripada masyarakat Bajau Samah dan Iranun di daerah Kota Belud. Masyarakat Dusun Tindal menggunakan tenunan ini sebagai aksesori pada busana *sinipak* dengan berfungsi sebagai kolar baju serta mengandungi 2 pasang selendang merah. Selain itu, kain dasar biasanya ditenun menggunakan benang metalik berwarna cerah dan emas yang ditetapkan dalam reka bentuk permaidani untuk meningkatkan kekayaan fabrik. Saiz kain pula ialah 76 cm persegi dan mengambil masa sekurang-kurangnya 3 minggu hingga sebulan untuk disiapkan. Benang pelbagai warna digunakan untuk mencolek reka corak yang terdiri daripada motif tumbuh-tumbuhan, haiwan dan corak geometrik. Warna-warna tradisi suku kaum Bajau seperti warna hitam, putih, merah, kuning dan hijau telah menjadi identiti tenunan dasar sejak dahulu lagi. Kain tenunan dasar digunakan oleh hampir semua masyarakat etnik peribumi di Sabah untuk upacara kebesaran, perayaan atau majlis perkahwinan.



Rajah 9. Aksesori lolopot  
Sumber: Koleksi pengkaji (2023)











Rajah 10. Motif Unga  
Sumber: Koleksi pengkaji (2023)













Rajah 11. Motif Raun  
Sumber: Koleksi pengkaji (2023)





Jadual 2. Motif dan corak pada busana *sinipak* Dusun Tindal.



Bil	Bahagian Busana	Motif	Corak	Maksud Simbolik	Ciri-Ciri Perhiasan / Hiasan
1.	Bahagian kepala	Sunduk Sinulatan	Motif Tolu Sagi (segi tiga)	Melambangkan bentuk petak sawah padi masyarakat Dusun Tindal.	Reka bentuk yang menampilkan unsur garisan zigzag dan bergerigi.  Terhasil daripada bentuk segi tiga yang disusun secara cerminan lalu menghasilkan garisan zigzag

2.	Bahagian depan dan belakang busana	Motif tompiras		Rombituon		Corak bulatan kecil yang berulang merupakan simbol harapan dan perlindungan.	Bulatan kecil merujuk kepada pancaran cahaya bintang.  Memberi aura keindahan dan kekuatan spiritual
			Pinurupuru		Diibaratkan benih atau titisan hujan yang memberi kehidupan dan pertumbuhan.	Merujuk kepada bintik-bintik kecil atau titik-titik halus. Digunakan sebagai motif pengisi ruang. Motif ini diilhamkan daripada biji benih.	
			Sinumpak Luba		Merujuk kepada pucuk rebung dan bentuk bumbung rumah Dusun Tindal.	Segi tiga yang dibina daripada susunan titik-titik membentuk bulatan kecil.	
3.	Bahagian lengan busana	Motif Langkit		Piniutu		Sebuah penegasan nilai-nilai murni yang berkait dengan amalan masyarakat Dusun Tindal.	Sulaman benang bermotifkan geometri, dan berlatarkan kain berwarna hitam memparkan corak geometri daripada benang hingga membentuk pola membujur dari atas ke bawah pada corak pakaian.

4.	Bahagian pergelangan tangan	<p>Saring pirok</p> 		<p>Wanita etnik Tindal memakai saring di pergelangan tangan sebagai status tangkal dalam masyarakat Dusun Tindal.</p>	<p>Ukuran saring biasanya antara satu hingga dua inci.</p> <p>Hiasan motif saring adalah menyerupai sisik ikan dan mendominasi keseluruhan permukaannya.</p> <p>Terdapat larikan kasar.</p> <p>Merupakan gelang tangan yang diperbuat daripada bahan perak.</p>
5.	Bahagian dada busana	<p>Tiupu</p> 		<p>Tiupu yang diperbuat daripada bahan tembaga atau perak berfungsi sebagai lambang darjat atau kekayaan dan kemewahan.</p>	<p>Tiupu sejenis hiasan yang bermotifkan buah mangga.</p> <p>Tiupu yang asli diperbuat daripada tembaga, namun hari ini ianya diperbuat daripada bahan perak.</p> <p>Digantung pada bahagian dada. Tempat menyimpan tembakau.</p> <p>Mempunyai ukiran motif bunga yang berbentuk bulat dan berpancar.</p>

<p>6.</p>		<p>Lolopot (dastar merah)</p> 	<p>Corak Umbus</p>  <p>Corak Unga</p>  <p>Corak Sumping</p>  <p>Corak Raun</p>  <p>Corak Zigzag</p> 	<p>Menggambarkan kepelbagaian sifat pucuk tumbuhan.</p> <p>Menggambarkan kerencaman imej bunga dan persekitaran.</p> <p>Menggambarkan kepelbagaian jenis buah yang terdapat di alam persekitaran.</p> <p>Menggambarkan hubung kait kehidupan yang berfungsi sebagai herba seperti makanan.</p> <p>Berfungsi sebagai kekuatan pada struktur dan satah pakaian.</p>	<p>Bertemakan tunas atau pucuk.</p> <p>Bentuk bunga adalah cetusan asemblja daripada manik atau labuci.</p> <p>Kaedah tenunan menghasilkan motif yang bercirikan translasi dan pantulan imej.</p> <p>Terhasil daripada kaedah tenunan memaparkan motif geometri, gabungan motif ini terhasil melalui translasi dan pantulan imej.</p> <p>Bentuk garis dihasilkan daripada teknik sulaman dan tenunan. Memberi persepsi rupa berkeluk “V” dan berpuncak.</p>
-----------	--	--	---	---	---

<p>7.</p>	<p>Bahagian pinggang</p>	<p>Dongsulub</p> 		<p>Warna-warna cerah seperti kuning, merah dan hijau apabila digabungkan dengan putih dan hitam menciptakan warna kontras yang tajam dan menarik perhatian.</p> <p>Memberikan rasa kesatuan dan keseimbangan visual.</p>	<p>Manik ini susunan secara horizontal, susunan manik berbentuk lurus dengan pelbagai warna menghasilkan <i>fringing</i> tepi yang menyerlahkan tekstur.</p> <p>Motif yang berulang dan kombinasi warna juga diulang secara berirama.</p>
		<p>Botungkat</p> 		<p>Botungkat adalah simbol keanggunan, kecantikan dan status sosial bagi wanita etnik Dusun Tindal</p>	<p>Tali pinggang yang diperbuat daripada duit syiling lama British.</p> <p>Bahan diperbuat berasaskan perak.</p> <p>Memiliki berat 1.5 kilogram, kira-kira seberat sebotol besar air mineral.</p>

<p>8.</p>	<p>Bahagian skirt wanita</p>	<p>Gonob</p> 		<p>Motif pada benang emas yang beralun ini merujuk kepada alunan ombak atau air sungai.</p> <p>Bahagian tengah motif, merujuk kepada pucuk rebung yang memanjang iaitu sebuah kehidupan baru dan kesinambungan generasi.</p>	<p>Reka bentuk motif persegi menampilkan bentuk segi tiga dan bulat di bahagian tengah.</p> <p>Pada bahagian sulaman benang emas kelihatan berombak dan beralun.</p> <p>Diaplikasikan daripada motif <i>sinumpakluba</i> pada corak <i>tompiras</i>.</p>
-----------	------------------------------	--	---	--	--

**KESIMPULAN**

Kajian ini secara keseluruhannya, telah mencapai objektif utama iaitu mengenal pasti, menganalisis dan mendokumentasikan reka bentuk, corak serta simbolisme motif *sinipak* dalam busana wanita etnik Dusun Tindal di Kota Belud, Sabah. Dapatan kajian membuktikan bahawa *sinipak* bukan sekadar busana tradisi, tetapi merupakan medium budaya yang memperlihatkan hubungan erat masyarakat Dusun Tindal dengan alam, kepercayaan dan sistem sosial mereka. Selain itu, berfungsi sebagai artifak budaya yang mengandungi makna simbolik, falsafah hidup dan sistem nilai masyarakat Dusun Tindal. Setiap motif dan corak yang dihasilkan bukan hanya memperlihatkan keindahan estetika, bahkan menjadi lambang identiti, status sosial serta medium komunikasi budaya yang diwarisi secara turun-temurun. Hasil penyelidikan juga memperlihatkan bagaimana elemen reka bentuk *sinipak* berhubung rapat dengan persekitaran, kepercayaan dan amalan kehidupan masyarakat Dusun Tindal. Motif seperti *rombituon*, *sinumpak luba* dan *pinuru-puru* misalnya, membawa makna yang berkaitan dengan kesuburan, perlindungan roh nenek moyang, serta kesinambungan kehidupan. Pemakaian *sinipak* dalam upacara perkahwinan, perayaan kebudayaan dan ritual adat menegaskan fungsi busana ini sebagai penanda identiti kolektif dan kesinambungan warisan budaya. Keunikan aksesori seperti *tiupu* dan *botungkat* turut memperkukuh fungsi simbolisme busana, yang menghubungkan status sosial dengan penampilan luaran pemakainya. Dari sudut warisan tekstil, kajian ini menyumbang secara signifikan kepada usaha pelestarian seni tekstil tradisional di Sabah. Pendokumentasian motif, corak dan teknik pembuatan *sinipak* bukan sahaja menambahkan khazanah ilmu dalam bidang seni tekstil dan antropologi budaya, tetapi juga memberi ruang untuk diaplikasikan dalam konteks kontemporari, termasuk industri fesyen, pendidikan dan pelancongan budaya. Secara tidak langsung, penyelidikan ini menegaskan kepentingan *sinipak* sebagai warisan tekstil yang memiliki nilai sejarah, estetika dan identiti, sekali gus memperkukuhkan jati diri masyarakat Dusun Tindal serta memastikan kelangsungan warisan budaya ini dapat diwarisi oleh generasi akan datang.

**CADANGAN**

Terdapat beberapa cadangan daripada kajian ini yang dapat digunakan untuk memperkayakan dan meningkatkan lagi profesionalisme karya ini. Antaranya, kajian perbandingan dengan busana etnik lain di Sabah seperti etnik Suang Lotud, Rungus, Murut, dan Bajau Samah boleh dijalankan bagi menilai persamaan dan perbezaan dari segi corak, warna, reka bentuk, dan simbolisme, sekaligus menonjolkan keunikan *sinipak* dalam landskap busana tradisional Sabah. Seterusnya, kajian jangka

masa panjang atau evolusi dari generasi ke generasi mengenai reka bentuk dan motif *sinipak* dapat dijalankan untuk memahami perubahan estetika dan identiti budaya masyarakat Dusun Tindal dalam menghadapi globalisasi dan perkembangan fesyen moden. Selain itu, pendekatan etnografi ataupun soal selidik kepada masyarakat, khususnya generasi muda, dapat menilai tahap pemahaman, penerimaan dan penghargaan terhadap simbolisme motif serta peranan busana tradisional dalam memelihara warisan budaya. Kajian interdisiplin yang menggabungkan perspektif seni tekstil, antropologi dan reka bentuk moden boleh memberikan dimensi baharu, termasuk potensi pengaplikasian motif *sinipak* dalam industri kreatif seperti fesyen kontemporari, kraftangan dan reka bentuk komersial. Tambahan pula, kajian mendalam mengenai teknik pembuatan, pemilihan bahan, dan warna dapat menilai aspek ketahanan, estetik dan keberlanjutan busana tradisional. Selain itu, cadangan praktikal seperti dokumentasi digital motif, pameran interaktif dan latihan kepada tukang jahit tempatan boleh dirangka bagi memastikan kesinambungan dan pemeliharaan tradisi *sinipak*.

Kajian ini diharap juga dapat menambah khazanah dokumentasi budaya dan kepercayaan etnik Sabah, seterusnya membantu etnik Dusun Tindal merekodkan khazanah budaya mereka daripada mengalami kepupusan akibat daripada proses pembangunan dan pemodenan yang pesat. Usaha daripada kajian ini memberi manfaat kepada ahli akademik seperti pelajar sekolah dan universiti untuk membantu menghasilkan lebih banyak buku ilmiah mengenai seni budaya etnik di Sabah sebagai sumber rujukan. Selain itu, kajian ini diharap dapat mengurangkan banjir budaya dari luar yang menyalahgunakan cara berpakaian sehingga menjejaskan busana tradisional yang boleh merosakkan identiti budaya pelbagai kaum dan sekaligus dapat memartabatkan penggunaan pakaian tradisional di negeri Sabah. Oleh itu, pemeliharaan warisan budaya membantu memelihara identiti dan keunikan sesuatu kumpulan atau bangsa. Warisan budaya merangkumi pelbagai aspek seperti tradisi, bahasa, cerita rakyat dan pengetahuan. Dengan memelihara warisan budaya, kita dapat memahami sejarah dan perkembangan sesuatu kumpulan atau masyarakat dari generasi ke generasi. Sebaliknya, ia boleh menjadi sumber pembelajaran yang berharga. Melalui pemuliharaan warisan budaya, kita dapat mengajar nilai, tradisi dan kebijaksanaan tempatan kepada generasi muda. Akhir sekali, ia mencerminkan kepelbagaian dan kekayaan masyarakat dan menggalakkan keharmonian dan menghargai perbezaan budaya. Keseluruhannya, cadangan kajian ini bukan sahaja menambah nilai akademik tetapi juga menyediakan panduan strategik untuk pemeliharaan, promosi dan pengembangan busana *sinipak* secara holistik dan profesional.

## RUJUKAN

- Arena Wati. 1978. *Peribumi Sabah: Satu tinjauan dalam konteks kepercayaan, kultur dan hukum adat di Sabah*. Kota Kinabalu, Malaysia: Yayasan Sabah.
- Awang, D.R. & Ibrahim, M.A. 2002. Motif etnik Sabah: Satu persepsi visual pada permukaan kraf. Dlm Ismail & J. Wong (eds.), *Warisan seni etnik Sabah*, hal. 69. Kota Kinabalu, Malaysia: Universiti Malaysia Sabah.
- Azhan, N.A., & Ramli, H. 2014. Keindahan reka bentuk busana Samrah etnik Suluk di Semporna, Sabah. *Jurnal Seni Lukis dan Seni Reka* 1(1): 1–10.
- Baeren, E.J. & Jusilin, H. 2019. Eksplorasi zat warna alam batik dalam konteks warna tradisi etnik di Sabah. *International Journal of Creative Industries* 1(2): 1–17.
- Beardsley, M.C. 1975. *Aesthetics: Problems in the philosophy of criticism* (2nd ed.). Indianapolis, IN: Hackett Publishing Company.
- Bellwood, P.S. 1984. Archaeological research in the Madai-Baturong region, Sabah. *Bulletin of the Indo-Pacific Prehistory Association* 5: 38–54.
- Benggon-Charutuks, I. 1992. *Cultures, customs and traditions of Sabah*. Kota Kinabalu, Malaysia: Sabah Tourism Promotion Corporation.
- Che Soh, S. & Osman. 2010. Kajian terhadap penggunaan bahan, Teknik pembuatan dan motif pada blok batik. *Jurnal Arkeologi, Sejarah dan Budaya*.
- Davidson, J. 1991. *The Iban of Sarawak: Chronicle of a vanishing world*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Evans, I.H.N. 1922. *Among the primitive people of Borneo*. London: Seeley Service & Co. (Reprinted by Oxford University Press, 1990).

- Evans, I.H.N. 1953. *The religion of the Tempasuk Dusun of North Borneo*. Cambridge: Cambridge University Press. (Reprinted 2007 by Opus Publications Sdn. Bhd., Kota Kinabalu, Sabah).
- Geertz, C. 1973. *The interpretation of cultures: Selected essays*. New York: Basic Books.
- Hadi, A.S. 1983. *Pendekatan kajian etnografi Sabah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hall, S. 1997. Culture and power. *Radical Philosophy* 86: 24–41.
- Hanafi, Z. 2000. *Pola-pola biasan di dalam bangunan tradisional Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim, I. 2007. *Warisan motif dan corak etnik Sabah*. Kota Kinabalu, Malaysia: Universiti Malaysia Sabah.
- Ismail, A. 2011. Komuniti orang tanpa negara (stateless people) di Sabah: Kajian kes komuniti Bajau Laut di Pulau Mabul, Semporna. *Malaya in History / Malaysia in History* 276: 69–81.
- Ismail, S.Z. 1986. *Reka bentuk kraftangan Melayu tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail, S.Z. 1997. *Reka bentuk kraftangan Melayu tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail, S.Z. 2006. *Pakaian cara Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jemaslin, E. & Abdul Arif, H. 2019. The aesthetic value of sabung impit of Tombonuo ethnic in Paitan, Sabah. *International Journal of Technical Vocational and Engineering Technology* 1(1): 31–37.
- Jusilin, H. & Kindoyop, S. 2016. Reka bentuk dan hiasan linangkit pada pakaian tradisional Dusun Lotud di Tuaran. *Jurnal Gendang Alam* 5(1): 39–61.
- Jusilin, H., Ismail, I. & Toeu, A.Y.Y. 2019. *Warisan busana Murut: Corak dan motif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jusoh, A.H. & Husin, F. 2016. Makna dan fungsi busana dalam naskhah Melayu *Syair Agung*. *Journal of Business and Social Development* 4(2): 58–75.
- Kandamoi Laus. 2021. Wawancara peribadi dengan penulis (Penyimpan busana Sinipak Dusun Tindal). [20 Mei].
- King, J.K. & King, J.W. 1984. *Languages of Sabah: A survey report*. (Pacific Linguistics Series C, No. 78). Canberra: Australian National University.
- Kindoyop, S., Jusilin, H. & Tugang, N. 2019. Kearifan dan konsep rekaan kraf anyaman warisan Dusun Tindal di Sabah. *Jurnal Gendang Alam* 9: 1–16.
- Kiyai, G. & Tugang, N. 2020. Artifak budaya masyarakat Iban: Warisan dan pusaka. *Jurnal Kinabalu* 26(1): 59–71.
- Koentjaraningrat. 1986. *Penghantar antropologi sosial dan budaya*. Jakarta: Karunika.
- Lasimbang, J. 1996. The indigenous peoples of Sabah. Dlm Asia Indigenous Peoples Pact (Ed.), *Indigenous peoples of Asia: Many peoples, one struggle*, hal. 177–195. Bangkok: Asia Indigenous Peoples Pact.
- Lasimbang, R. 1997. *An introduction to the traditional costume of Sabah*. Kota Kinabalu: Natural History Publications.
- Matsumoto, D. 2019. Social influence in investigative interviews: The effects of authority on informational elements produced in interviews and written statements. *Applied Cognitive Psychology* 33(3): 440–453.
- Mohd Khalid, I.K. & Ramli, H. 2015. Motif ragam hias Kalong, Sarawak. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni* 3(2): 127–140.
- Padri, L.P., Khalid, I.K.M. & Ramli, H. 2015. Motif ragam hias Kalong, Sarawak. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni* 3: 127–140.
- Richards, M. & Macaulay, V. 2000. Tracing European founder lineages in the Near Eastern mtDNA pool. *American Journal of Human Genetics* 67(5): 1251–1276. <https://doi.org/10.1086/303079>
- Rutter, E.O. 1922. *British North Borneo: An account of its history, resources and native tribes*. London: Constable.
- Saludin, M.R. 2004. Citra busana dalam teromba. Kertas kerja dibentangkan dalam *Seminar Busana Melayu Serumpun*, Ayer Keroh, Melaka, Malaysia.
- Samad, L.A. 2019. Pelamin masyarakat Iranun di daerah Kota Belud, Sabah. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 12(2): 164–180.
- Shim, P.S. 2007. *Inland people of Sabah: Before, during and after Nunuk Ragang*. Borneo Cultural Heritage Publisher.
- Sikah Kuloh. (2023). *Tukang jahit busana Sinipak Dusun Tindal*, Kota Belud. [24 Julai].
- Sintang, S. 2007. *Kebudayaan beragama masyarakat Kadazandusun*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

- Sulaiman, N. & Amat, A. 2017. Kepercayaan dan agama dalam karya pelbagai etnik Sabah: Kajian terhadap cerpen-cerpen *WADAH*. *Malay Literature* 30(1): 1–24.
- Sudiyati, N., Sunarto, S., Sukanadi, M. & Kusumo, P. 2016. Inspirasi alat transportasi tradisional sebagai motif kain batik. *Corak: Jurnal Seni Kriya* 5(1).
- Topin, B. 1996. *Sbaring on Kadazandusun culture*. Penampang: Sabah State Library.
- Vincent, C. 2010. *Motifs and patterns*. London: A & C Black Ltd.
- Vitruvius Pollio. 1960. *The ten books on architecture (De architectura)* (M. H. Morgan, Trans.). New York, NY: Dover Publications.
- Williams, T.R. 1965. *The Dusun: A North Borneo society*. New York & London: Case Studies in Cultural Anthropology.
- Yatim, O.M. & Ab. Aziz, A. 2006. Motif songket Melayu: Antara yang tersurat dan tersirat. *Purba* 25: 104–126.
- Yoon, P.L. 2018. Elemen estetika dalam reka bentuk motif pakaian tradisional masyarakat Rungus di Sabah. Master's thesis, Universiti Malaysia Sabah.
- Yoon, P.L. & Jusilin, H. 2018. Ciri estetika dalam reka bentuk dan motif pakaian tradisional golongan perempuan etnik Rungus di Kudat. *Gendang Alam* 8: 69–83.
- Zakaria, A. & Berawi, M.M. 2019. *Busana tradisional Negeri Sembilan*. Sintok: Universiti Utara Malaysia Press.